

MANFAAT SISTEM DIPELAJARI DI UNIVERSITI

Pendapatan lumayan mendorong siswazah ini mengusahakan projek tanaman sayur-sayuran menggunakan sistem 'shallow water culture' yang diubah suai.

Dengan bermodalkan RM10,000, Mohd Abdul Halim Baharun Azahar, 28, menyewa tanah seluas 0.5 hektar di Kampung Fajar, Kuantan, Pahang, untuk membina rumah hijau mini.

Sistem berkenaan dipelajari ketika dia menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pemegang Sarjana Muda Sains Hortikultur ini berkata, dia memulakan projek pertanian berkenaan sejak awal tahun lalu selepas tamat pengajian dalam bidang bioteknologi.

>2



REKA SENDIRI RUMAH HIJAU MINI

Dapat pulangan memuaskan walaupun tanpa sebarang bimbingan daripada agensi atau jabatan kerajaan

NIAGA TANI DARI MUKA 1

"Selepas habis belajar, saya mengambil keputusan menjadi usahawan tani. Kemudian saya menyewa tanah di Kampung Fajar dan memulakan projek pertanian.

"Mula-mula saya membina rumah hijau mini yang saya reka sendiri. Rumah ini perlu dibina supaya air hujan tidak memasuki sistem 'shallow water culture' sehingga mengakibatkan kehilangan baja," katanya ketika diemui, baru-baru ini.

Mohd Abdul Halim yang berasal dari FELDA Chini Timur 2, Pekan berkata, dia membuat sistem itu di atas tanah tanpa sebarang binaan yang besar.

"Saya hanya memerlukan beberapa bahan seperti span, kanvas, gabus dan bata. Sistem ini tidak menggunakan kos tinggi berbanding kaedah hidroponik.

"Mula-mula kena korek tanah sedikit saja, kemudian diletakkan kanvas hitam dan di tepinya disusun bata. Selepas itu, masukkan air dan baja sebelum ditutup dengan gabus yang ditebuk.

"Saya buat seorang diri sedikit demi sedikit, tetapi hasil yang dapat memang memuaskan. Saya juga tidak mendapat sebarang bimbingan daripada agensi atau jabatan kerajaan yang terbabit," kata anak kedua daripada empat beradik ini.

Katanya, ketika musim tuaian sayur dilakukan,

dia mampu memperoleh pendapatan sehingga RM3,000 dan dipasarkan sendiri dengan dijual kepada kedai berdekatan.

"Memang susah hendak menembusi pasaran sayuran ini sebab dimonopoli oleh sesetengah pihak tetapi saya ada pelanggan tetap yang suka sayur tanpa racun.

"Antara sayuran yang dihasilkan seperti salad, sawi, kangkung, bayam, pegaga dan daun kesum.

"Sebenarnya, bukan susah untuk menjadi usahawan tani, cuma perlukan keazaman tinggi sebab tanaman yang kita usahakan tidak semuanya akan menjadi," katanya.

Katanya, bagi mengelak kerugian, dia perlu memastikan sistem digantikan dengan air baja baru dan anak benih lain bagi memastikan bekalan sayuran sentiasa mencukupi.

"Sayuran ditanam tidak mengambil masa lama, hanya dua minggu hingga empat bulan bergantung kepada jenis sayuran.

Sebagai contoh, sawi, salad dan bayam boleh dipetik dalam tempoh dua hingga tiga minggu saja," katanya.


Dalam pada itu, katanya, jika ada modal, dia merancang menambah satu lagi sistem iaitu akuaponik di kawasan sama.

"Memang saya merancang membina sistem akuaponik pula, namun buat masa ini masih kekurangan modal. Dengan sistem ini saya dapat dua hasil serentak iaitu sayur dan ikan," katanya.

-Shahrinnahar Latib



MOHD Abdul Halim menunjukkan hasil sayurannya.



PROSES pembinaan rumah hijau mini.



SISTEM 'shallow water culture' untuk projek tanaman.